

Wakil2 rakyat diminta bendung nafsu ingin buru kemewahan

24 NOV 1989

ALUR SETAR 23 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta wakil - wakil rakyat supaya membendung nafsu ingin memburu kemewahan sehingga lupa kepada tugas dan tanggungjawab kepada rakyat.

Beliau mengingatkan, dalam sistem demokrasi, rakyat berhak menjatuhkan pemimpin dari kuasa yang diberikan kepada mereka.

Sambil berseloroh beliau berkata: "Tak guna membuat harta semasa berkuasa kerana akhirnya kita akan tinggal juga apabila mati. Saya pun dulu dah dekat dah..."

Dalam ucapannya selama satu jam kepada 2,000 kakitangan kerajaan dan badan berkanun dalam satu perjumpaan di sini petang ini, Perdana Menteri juga mengingatkan wakil - wakil rakyat

supaya tidak menggunakan kuasa sewenang - wengangnya untuk kepentingan diri.

Beliau berkata, rakyat dan wakil rakyat, termasuk daripada pembangkang, perlu tahu tugas dan peranan masing - masing untuk kebaihan negara.

Sekiranya mereka mengikut nafsu dan kepentingan diri semata - mata, negara akan menanggung akibatnya apabila berlaku huru, - hara, ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan rakyat bahawa negara akan diperintah oleh penyangak dan penyamun sekiranya mereka menyalahgunakan kuasa mengundi yang diberi menerusi sistem demokrasi.

Sebaliknya, mereka perlu menggunakan kuasa tersebut untuk melanjutkan corak penghidupan yang dinikmati sekarang ini yang jauh lebih baik dibandingkan dengan keadaan sebelum merdeka atau 10 tahun yang lalu.